

02 JAN 2002
ROYAL MINT-SKIM/I
SKIM BARU ROYAL MINT UNTUK AMBIL PEKERJA PILIH VSS

SHAH ALAM, 2 Jan (Bernama) -- Royal Mint of Malaysia Sdn Bhd, satu-satunya pengendali kilang duit Malaysia yang mengeluarkan duit siling edaran negara, merancang untuk memperkenalkan skim pemfrancaisan untuk menyerap pengusaha-pengusaha bank, penanggung insurans, dan broker-broker saham yang memilih skim pemisahan sukarela (VSS) sebagai sebahagian daripada urusan penyatuan industri kewangan itu.

Pengarah urusan syarikat, Datuk Nik Mohd Amin Nik Abdul Majid berkata pemegang francais itu akan mengendalikan satu cawangan yang akan menjadi saluran bagi sistem pembayaran, tiket, pengurusan wang, pembayaran dan puntugan pinjaman.

Francais yang akan ditawarkan itu, akan memerlukan pengendali itu pelaburan sebanyak RM250,000.

Satu cawangan percubaan akan bermula pada akhir Mac yang pada permulaannya akan dikendalikan oleh Royal Mint.

Kira-kira 2,000 orang dijangka mengambil bahagian dalam skim itu, katanya selepas lawatan khas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Royal Mint sempena sambutan Hari Raya di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga telah menghadiri satu perjumpaan semasa lawatan itu, menaytakan harapan agar skim itu akan berjaya.

Datuk Nik Mohd Amin berkata 50 cawangan bagi skim itu dirancang bagi tahun ini dijangka meningkat kepada 500 dalam tahun ketiga.

Selain daripada itu, Royal Mint of Malaysia mungkin memulakan satu lagi skim yang akan menjual cenderamata dan barangan cenderahati secara runcit yang akan dikendalikan oleh kakitangan syarikat-syarikat yang mengurangkan kakitangan mereka. -- BERNAMA

MAD KTC OS